

SPEKIFIKASI STANDARD 'ROCK MELON'

1. SKOP

Spesifikasi standard ini adalah untuk 'Rock Melon' atau nama botaninya *Cucumis melo* L dari keluarga *Cantaloupe* yang dipasarkan untuk kegunaan segar.

2. DEFINISI TERMA

Bagi tujuan spesifikasi ini, terma-terma yang digunakan akan bermaksud

2.1. **Kematangan** - Terdiri daripada empat (4) indeks seperti berikut:

2.1.1. **Indeks 1:** Permukaan kulit mula dilingkari net yang nipis berwarna putih kehijauan. Isi berwarna putih hijau dan rasa agak tawar. Tekstur isi kenyal. Tidak matang.

2.1.2. **Indeks 2:** Permukaan kulit dilingkari net berwarna putih sepenuhnya. Isi berwarna oren dan mempunyai lingkaran berwarna hijau. Rasa manis dan beraroma. Tekstur isi rangup. Matang.

2.1.3. **Indeks 3:** Permukaan kulit dilingkari net berwarna putih sepenuhnya. Isi berwarna oren. Rasa manis dan beraroma. Tekstur isi rangup dan berjus. Masak.

2.1.4. **Indeks 4:** Permukaan kulit dipenuhi net dan pecah di bahagian hujung. Isi berwarna oren terang dengan aroma yang kuat. Rasa agak tawar. Tekstur isi agak lembik dan lebih berjus. Terlalu masak.

2.2. **Kematangan Seragam** - Konsainan dianggap seragam apabila mempunyai satu indeks atau gabungan indeks yang hampir seperti indeks 2 dan 3 dalam satu pembungkusan.

2.3. **Segar** - Mempunyai tangkai dan sulur paut berwarna hijau. Apabila dipotong tekstur isi rangup.

- 2.4. **Kecacatan** - Mempunyai tanda-tanda yang menjejaskan persembahan seperti kotor, cacat bentuk dan cacat rupa.
- 2.4.1. **Kotor** - Terdapat kesan-kesan yang tidak dibersihkan seperti sarang serangga, tanah, dan lain-lain benda asing.
- 2.4.2. **Cacat** - Berbentuk tidak normal atau tidak sempurna bulat bagi varieti berkenaan, dan net kurang daripada 75%.
- 2.4.3. **Cacat rupa** - Mempunyai tanda-tanda yang mencacatkan rupa luaran seperti karat dan kesan parut yang tidak boleh dibersihkan tetapi tidak menjejaskan isi buah. Kesan ini meliputi lebih 10% pada permukaan kulit buah.
- 2.5. **Rosak** - Sebarang kecederaan atau kecacatan disebabkan oleh kesan mekanikal, perosak, penyakit dan fisiologi yang menjejaskan rupa keseluruhan, kualiti dan tempoh simpan.
- 2.5.1. Kecederaan semasa pengendalian seperti tangkai tertanggal dari tampuk, luka dan pecah.
- 2.5.2. Kesan gigitan atau lubang disebabkan oleh makhluk perosak.
- 2.5.3. Kesan jangkitan penyakit seperti busuk dan reput yang disebabkan oleh organisma mikro.
- 2.5.4. Pecah atau merekah secara semulajadi.

3. **KEPERLUAN MINIMUM**

- 3.1. Agak bebas daripada rosak disebabkan oleh kecederaan mekanikal, perosak atau penyakit.
- 3.2. Telah mencapai tahap kematangan yang mencukupi (Indeks 2 dan 3) seperti dikehendaki oleh pasaran.
- 3.3. Mempunyai tangkai tidak melebihi 5 cm.

4. PENGELASAN GRED DAN SAIZ

4.1. Buah 'Rock Melon' dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada keadaan dan ciri-ciri gred seperti jadual berikut:

GRED	SPEKIFIKASI	KELONGGARAN (Maksimum)	(%)
Premium	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga hendaklah bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Kematangan Segar Rosak Kecacatan Keseragaman saiz	≤ 5 ≤ 5 ≤ 5 ≤ 5 ≤ 5
1	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga hendaklah agak bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Kematangan Segar Rosak Kecacatan Keseragaman saiz	≤ 5 ≤ 5 ≤ 5 ≤ 5 ≤ 10
2	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga hendaklah agak bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Kematangan Segar Rosak Kecacatan Keseragaman saiz	≤ 5 ≤ 5 ≤ 10 ≤ 10 ≤ 10

4.2. Bagi 'Rock Melon', saiz ditentukan oleh berat dalam unit gram (g) seperti mana jadual berikut:

SAIZ	KOD		BERAT (gram)
Besar	L	A	>1.30
Sedang	M	B	1.00 – 1.29
Kecil	S	C	<1.00

5. PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN

5.1. Pembungkusan

- 5.1.1. 'Rock Melon' daripada gred yang sama hendaklah dibungkus menggunakan bekas yang sesuai supaya dapat memberi perlindungan yang optimum daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.2. Kertas atau bahan lain yang digunakan untuk membalut atau mengalas hendaklah bersih dan tidak akan menyebabkan kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.3. Bahan yang digunakan untuk membungkus hendaklah bebas daripada bahan kimia.
- 5.1.4. Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30 kg.

5.2. Pelabelan

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

- 5.2.1. Tarikh:
- 5.2.2. Nama/Kod Penanam
- 5.2.3. Nama/Kod pengeksport
- 5.2.4. No. Kad Pengenalan
- 5.2.5. No. Pendaftaran syarikat
- 5.2.6. Alamat
- 5.2.7. Komoditi
- 5.2.8. Berat bersih
- 5.2.9. Gred

6. PERSAMPELAN

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS 78 "*Method Of Sampling Fresh Fruits*" atau kaedah statistik yang dipersetujui.